



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) TERENGGANU, 2025

Sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar ekonomi Terengganu dengan pertumbuhan KDNK 3.6 peratus pada tahun 2025

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) NEGERI TERENGGANU, 2025** yang memperinci penemuan sektoral dan komposisi ekonomi di peringkat negeri.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin "KDNK Terengganu bernilai RM40.6 bilion pada tahun 2025, meningkat berbanding RM40.0 bilion pada tahun 2024, dengan pertumbuhan sebanyak 1.6 peratus berbanding tahun sebelumnya."

Dari aspek komposisi ekonomi Terengganu pada tahun 2025, sektor Perkhidmatan mendominasi dengan menyumbang sebanyak 53.0 peratus. Seterusnya, sektor Pembuatan dan Pertanian masing-masing menyumbang sebanyak 35.6 peratus dan 7.5 peratus. Sektor Pembinaan pula mencatatkan sumbangan sebanyak 3.2 peratus, diikuti sektor Perlombongan & pengkuarian sebanyak 0.6 peratus kepada keseluruhan komposisi ekonomi Terengganu.

Beralih ke prestasi ekonomi sektoral, pertumbuhan ekonomi negeri Terengganu dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan berkembang 3.6 peratus berbanding tahun sebelumnya, mencatatkan peningkatan nilai ditambah kepada RM21.5 bilion. Pertumbuhan sektor ini didorong oleh subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT yang berkembang 3.5 peratus berbanding tahun sebelumnya. Subsektor Perkhidmatan kerajaan pula meningkat 4.3 peratus.

Sebaliknya, sektor Pembuatan pula menguncup 1.2 peratus berbanding tahun sebelumnya dengan nilai ditambah berjumlah RM14.5 bilion pada tahun 2025. Penurunan ini dipengaruhi terutamanya oleh Produk petroleum, kimia, getah dan plastik yang mencatatkan penyusutan sebanyak 1.6 peratus, khasnya produk kimia.

Sektor Pertanian Terengganu mencatatkan pertumbuhan 4.2 peratus mengatasi paras nasional 2.2 peratus dengan nilai ditambah sebanyak RM3.1 bilion. Ini dipacu

terutamanya oleh peningkatan dalam pengeluaran kelapa sawit. Selain itu, subsektor Ternakan turut bertumbuh 5.0 peratus (2024: 3.8%).

Sementara itu, sektor Pembinaan di Terengganu menyusut 5.8 peratus pada tahun 2025 (2024: 17.5%) dengan nilai ditambah sebanyak RM1.3 bilion (2024: RM1.4 bilion). Prestasi sektor ini dipengaruhi oleh subsektor Kejuruteraan awam yang jatuh 10.4 peratus. Begitu juga sektor Perlombongan & pengkuarian yang merosot 2.2 peratus pada tahun 2025 dengan nilai ditambah berjumlah RM233.3 juta.


Beralih kepada prestasi KDNK per kapita, Terengganu mencatatkan KDNK per kapita bernilai RM32,657 pada tahun 2025 iaitu peningkatan sebanyak RM139 berbanding pada tahun 2024 (RM32,518).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: KDNK Terengganu, sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
1 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

TERENGGANU GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025

The services sector remained the largest contributor to Terengganu's economy, recording GDP growth of 3.6 per cent in 2025

PUTRAJAYA, 1ST JULY 2026 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **TERENGGANU GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025** which highlighted the insights of economic sectoral and structure at the state level.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The GDP of Terengganu in 2025 amounted to RM40.6 billion, marking a notable improvement from RM40.0 billion in 2024, developing well of 1.6 per cent compared to the previous year."

Services sector dominated the economy in 2025, represents 53.0 per cent of the state's economic activity. The Manufacturing and Agriculture sectors followed with a share of 35.6 per cent and 7.5 per cent respectively. The Construction sector recorded a contribution of 3.2 per cent, followed by the Mining & quarrying sector of 0.6 per cent to Terengganu's overall economic composition.

In terms of sectorial economic performance, the growth of Terengganu's economy was driven primarily by Services and Manufacturing sectors. The Services sector grew 3.6 per cent compared to the previous year, recording an increase in value added to RM21.5 billion. The sector's growth was largely fueled by expansions in the Utilities, transport & storage and ICT subsector which grew 3.5 per cent compared to the previous year. The Government services subsector expanded to 4.3 per cent.

In contrast, the Manufacturing sector decreased by 1.2 per cent compared to the previous year, with value added amounting to RM14.5 billion in 2025. The decline was mainly influenced by the Petroleum, chemical, rubber and plastic products subsector, which recorded a contraction of 1.6 per cent, particularly in chemical products.

Terengganu's Agriculture sector recorded a 4.2 per cent exceeding the national level of 2.2 per cent with a total value added amounting to RM3.1 billion. This was mainly driven by increased production of oil palm. In addition, the Livestock subsector surged by 5.0 per cent (2024: 3.8%).

Meanwhile, the Construction sector in Terengganu shrank by 5.8 per cent in 2025 (2024: 17.5%) with an added value of RM1.3 billion (2024: RM1.4 billion). The performance of this sector was influenced by the Civil engineering subsector, which shrank by 10.4 per cent. Similarly, the Mining & quarrying sector contracted by 2.2 per cent in 2025 with an added value of RM233.3 million.


As for the GDP per capita, Terengganu recorded a value of RM32,657 in 2025 an increase of RM139 compared to 2024 (RM32,518).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Terengganu's GDP, contribution and growth by sector, 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
1 JULY 2026**